

89  
NO. SOALAN: 41

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN A/L K. NAGARAJAN  
[PADANG SERAI]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10309**

**PERTANYAAN:**

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa jumlah doktor yang ditempatkan di Penjara Kajang dan Sungai Buloh masing-masing dan sama ada Kerajaan bercadang untuk menambah jumlah doktor yang ditempatkan di setiap penjara di Malaysia.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jumlah doktor yang ditempatkan di Penjara Kajang dan di Penjara Sungai Buloh adalah seramai 6 orang iaitu 3 orang di Penjara Kajang dan 3 orang lagi di Penjara Sungai Buloh. Jumlah tersebut adalah termasuk dalam jumlah keseluruhan 60 perjawatan Pegawai Perubatan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk berkhidmat di seluruh institusi penjara dalam negara. Pada masa ini, sebanyak 50 daripada 60 perjawatan tersebut telahpun diisi dan perbincangan berterusan di antara Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Penjara sentiasa diadakan bagi menyusuli baki perjawatan yang belum diisi.**

**Jumlah perjawatan Pegawai Perubatan masih dapat menampung keperluan di semua institusi penjara di Malaysia dengan menjadualkan pegawai perubatan dari hospital atau klinik kesihatan berdekatan untuk bertugas di penjara dalam tempoh tertentu.**

**Kementerian sentiasa memberikan perhatian dan keutamaan terhadap aspek penjagaan kesihatan penghuni penjara sepanjang mereka menjalani hukuman dan penahanan. Ini dapat dilihat melalui pewujudan beberapa perjawatan perubatan lain yang terdiri daripada pegawai perubatan pergigian, penolong pegawai perubatan, penolong pegawai farmasi, dan pegawai psikologi.**